

Angka Giliran: _____

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2007/2008

April 2008

JKE 311 – Mikroekonomi 2

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **EMPAT** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **TIGA (3) soalan** daripada **Bahagian A** dan **SATU** daripada **Bahagian B**.
Jawapan hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan.

Serahkan keseluruhan kertas jawapan ini KEPADA KETUA PENGAWAS.

Baca arahan dengan teliti sebelum menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukan 25 markah.

BAHAGIAN A

Jawab TIGA soalan daripada bahagian ini.

1. (a) Jelaskan kenapa firma yang mempunyai kos pengeluaran yang tinggi terpaksa akur dengan peranan firma yang mempunyai kos pengeluaran yang rendah dalam model pasaran oligopoli sehinggakan dikatakan berlaku pakatan. Dengan bantuan rajah tunjukkan kenapa perkara ini berlaku.

(b) Nyatakan model pasaran oligopoli mana yang dikatakan bersaing dengan kuantiti bukannya harga.

(c) Kenapakah kartel seperti (CIPEC) tidak berjaya menaikkan harga tembaga dan menguasai pasaran tembaga dunia, sedangkan kartel minyak seperti OPEC pula berjaya? Apakah syarat dan masalah yang dihadapi oleh sesuatu kartel? Penjelasan anda hendaklah dibantu dengan rajah.

(25 markah)
2. (a) Dalam kes satu pembolehubah berubah, bagaimanakah keluk permintaan diterbitkan jika
 - (i) input dan outputnya beroperasi dalam pasaran kompetatif?
 - (ii) inputnya dalam pasaran kompetatif manakala output dalam pasaran monopoli?
(b) Dalam kes dua pembolehubah berubah, apabila harga input (katakan buruh) turun, huraikan kesan-kesan berikut:
 - (i) kesan penggantian
 - (ii) kesan output
 - (iii) kesan pemaksimuman untung
(25 markah)
3. (a) Huraikan faktor-faktor yang akan menyebabkan wujudnya kuasa monopsoni dalam sesuatu industri.

(b) Dengan menggunakan rajah yang sesuai, jelaskan bagaimana sesuatu firma yang mempunyai kuasa monopsoni menetapkan tingkat upah dan jumlah tenaga kerja yang patut digunakan.

(c) Sekiranya tingkat upah telah ditetapkan oleh kerajaan dengan upah minimum, dengan menggunakan rajah, huraikan dan terangkan kesan-kesan dasar tersebut.

(25 markah)

4. (a) Huraikan beberapa ciri barang awam tulen dan berikan contohnya sekali.
- (b) Kenapakah dalam pasaran sempurna masih lagi dikatakan berlakunya kegagalan pasaran? Jelaskan.
- (c) Takrifkan “penumpang percuma” dan tunjukkan dengan jelas faedah yang boleh dinikmati oleh seorang penumpang percuma.
- (d) Setujukah anda sekiranya pihak kerajaan yang mengeluarkan barangan awam, masalah kegagalan pasar boleh diatasi? Jika ya atau tidak jelaskan dengan bantuan rajah.
- (25 markah)
5. (a) Dalam setiap kes yang berikut, kenalpasti jenis kesan luaran yang boleh wujud. Jelaskan dengan terperinci bagi menyokong jawapan anda.
- (i) Syarikat kontrak pembinaan Lee sedang melakukan pembinaan bangunan 15 tingkat di sebelah Taman Murni
- (ii) Syarikat Indah Kekal telah menanam beraneka jenis pokok bunga di sekeliling pejabatnya yang terletak di kawasan perumahan.
- (iii) Pembinaan kilang getah dan kapas di hulu Sungai Long tanpa kawalan.
- (iv) Perlumbaan motosikal haram di sepanjang lebuhraya.
- (b) Dengan bantuan rajah, huraikan bagaimana anda mengambil tindakan terhadap kes (iii) agar dapat menunjukkan kos sebenar masyarakat yang ditanggung. Terangkan langkah-langkah yang sewajarnya bagi mengurangkan gejala ini.
- (25 markah)
6. (a) Apakah perbezaan antara keseimbangan separa dan keseimbangan am?
- (b) Apakah yang dimaksudkan keluk kontrak pengeluaran dan keluk kontrak penggunaan? Bagaimana hubungan keluk kontrak pengeluaran dengan keluk transformasi? (Penjelasan menggunakan rajah)
- (c) Tunjukkan bagaimana berlakunya keseimbangan am pengeluaran dengan menggunakan kotak Edgeworth.
- (25 markah)

BAHAGIAN B

Jawab SATU soalan daripada bahagian ini.

7. Firma A menggunakan input tunggal, iaitu buruh untuk mengeluarkan output Q mengikut fungsi pengeluaran $Q = 8\sqrt{L}$. Satu unit output ialah RM150 dan kadar upah per jam ialah RM75.
- (a) Berapakah jumlah buruh yang dapat memaksimumkan keuntungan firma tersebut?
 - (b) Berapakah jumlah kuantiti yang memaksimumkan keuntungan firma tersebut?
 - (c) Berapakah jumlah keuntungan firma tersebut?
 - (d) Katakan sekarang firma dikenakan cukai setiap unit output RM30.00 dan tingkat upah diberikan subsidi RM15 per jam. Katakan firma sebagai pengambil harga dan harga output tetap RM150. Cari tingkat keseimbangan buruh, output dan keuntungan yang baru.
- (25 markah)

8. Pasaran industri kertas di Negara Janggus adalah seperti berikut:

$$Q_d = 16,000 - 2,000P \text{ dan } Q_s = 40,000 + 2,000P$$

Q_d ialah jumlah kuantiti yang diminta dan Q_s ialah jumlah kuantiti yang ditawarkan. P ialah harga kertas per kg. Ketika ini tidak ada usaha untuk mengawal sisa buangan dalam sungai berdekatan oleh kilang yang mengeluarkan kertas tersebut. Sebagai akibatnya buangan sisa berleluasa dan kos marginal luaran (MEC) disebabkan pengeluaran kertas tersebut diberi dengan keluk $MEC = 0.0006 Q_s$

- (a) Kira output dan harga kertas tersebut sekiranya dikeluarkan dalam pasaran persaingan sempurna dan tidak ada usaha untuk memantau atau mengawal pembuangan sisa tersebut.
- (b) Kira output dan harga kertas yang cekap sekiranya diambil kira pemantauan dan kawalan pembuangan sisa tersebut.
- (c) Jelaskan kenapa kiraan dalam bahagian (a) dan (b) berbeza. Bantuan rajah amatlah penting dalam penjelasan ini.

(25 markah)